

Negara kekal janji pembangunan lestari: Rahman

Sherell Jeffrey DE 9.11.2017 2

KOTA KINABALU: Malaysia mengekalkan janjinya pada Kemuncak Timur 1992 untuk mempunyai sekurang-kurangnya 50 peratus kawasan tanah diliputi hutan dengan 55.2 peratus di bawah pelbagai bentuk perlindungan pada 2015, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Beliau berkata usaha semasa termasuk menyenaraikan spesies terancam, bersama dengan pelaksanaan kaedah inovatif.

“Pendek kata, prinsip-prinsip Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ditanam dalam setiap aspek pembangunan kita yang dijalankan di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

“Saya berharap persidangan ini akan menyaksikan cetusan lebih banyak idea untuk menjadikan masa depan Malaysia, masa depan lestari,” katanya apabila merasmikan Persidangan Antarabangsa Transformasi Sosial, Komuniti dan Pembangunan Lestari 2017 di sini, Rabu.

Persidangan selama tiga hari itu dengan tema “Menerima Matlamat Pembangunan Lestari” dianjurkan bersama oleh Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fakulti Kemanusiaan, Kesenian dan Warisan, Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu dan Institut Sains dan Teknologi Imus, Filipina, dihadiri kira-kira 135 peserta.

“Saya ingin mengucapkan syabas kepada UMS kerana mendahului dalam pemahaman dan mempromosi dasar awam terhadap matlamat pembangunan lestari di Sabah.

“Dan sudah tentu kami ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman kerana berada di hadapan untuk memastikan Sabah menjadi salah satu negeri, jika bukan di dunia, untuk berada di barisan hadapan dalam mengamalkan pertumbuhan pembangunan mampan dalam negara ini,” katanya.

“Jika anda masih ingat, jika anda melihat kembali kepada beberapa tahun lepas sejak beliau (Musa) menjadi Ketua Menteri, dia terlibat secara aktif dalam melakukan SDG dan pemuliharaan, dia sangat mementingkan pemuliharaan dan bangga tentangnya.

“Ini bukan hanya tentang dasar yang bagus, ia juga tentang perniagaan yang bagus, kerana jika kita memulihara alam



ABDUL RAHMAN (kiri) memalu gong semasa upacara pembukaan persidangan itu.

sekitar kita, ia menjadi daya tarikan kepada pelancong.

“Orang tidak datang melawat bandar untuk melihat bangunan pencakar langit, mereka memiliki bandar dan bangunan seperti itu di negara mereka sendiri, tetapi mereka ingin pergi ke tempat-tempat seperti Lembah Danum, hutan tropika, bakau dan sebagainya.

“Dan kerana usaha pemuliharaan konsisten daripada Kerajaan Negeri, kita kita mendapat manfaat dengan mempunyai ramai pelancong datang ke Sabah dan menikmati usaha keamanan dalam negeri ini.

“Saya diberitahu bahawa di China, Sabah lebih dikenali berbanding negeri lain dalam persekutuan kita dan salah satu sebab mengapa mereka mahu berada di sini adalah untuk menikmati kehijauan dan alam semulajadi kita, perbangunan mampan kita, hasil usaha Kerajaan Negeri,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau turut berharap UMS dan pelajar-pelajarnya akan melawat Forum Bandar Dunia, satu perhimpunan global warga bandar, yang dijadual diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Februari tahun hadapan.

“Ketika saya menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kira-kira dua setengah tahun lalu, saya mengetuai satu delegasi ke Colombia Amerika Selatan dan kami membida untuk hak menganjurkan Forum Bandar Sedunia (WUF), salah satu persidangan terbesar anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Ketika saya berada di Colombia, terdapat kira-kira 22,000 peserta dalam tempoh seminggu, di mana kami membincangkan pembangunan lestari, bagaimana untuk menjadikan bandaraya kita lebih baik, bagaimana menjadikan rakyat hidup lebih baik di bandaraya-bandaraya, bagaimana menjadikan kerajaan tempatan bersedia untuk menghadapi bencana dan memastikan tahap sara diri lestari bukan sahaja dalam makanan dan keselamatan tetapi juga utiliti dan wawasan.

“Ia merupakan satu persidangan yang menyeronokkan dan saya mengambil keputusan untuk membida penganjurannya. Saya ingin mengumumkan di sini bahawa Malaysia telah berjaya dalam bidaan itu tahun lalu dan kita akan menganjurkan Forum Bandar Sedunia tahun depan.

“Saya sangat berharap agar UMS dan semua penuntut agar datang melawat dan jika kamu berminat menjadi peserta, beritahu kami. Jika ingin menjadi sukarelawan (beritahu kami). Kita memerlukan ribuan sukarelawan untuk membantu kerana kami menganggarkan lebih 30,000 peserta akan hadir.

Turut hadir ialah Dekan Fakulti Kemanusiaan, Kesenian dan Warisan UMS, Prof. Dr Ismail Ibrahim yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr D Kamarudin D Mudin; Pengerusi Persidangan, Prof. Dr Rosazman Hussin; Prof Dr Ahmad Puad Mat Som dari Universiti Sultan Zainal Abidin dan Prof Madya Dr Karen Fernandez dari Institut Sains dan Teknologi Imus, Filipina.